

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 18 October 1990 > Page 5 > Ruhil belum pasti terus belajar

Ruhil belum pasti terus belajar

Berita Harian, 18 October 1990, Page 5

Article also available on Microfilm Reel NL17125

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Ruhil belum pasti terus belajar

Oleh

KADIR PANDI

Penulis sambilan

BELAJAR dan menyanyi, bagi Ruhil Amani Hussein, dapat membentuk kerjaya yang baik walaupun pada masa ini beliau belum dapat menetapkan haluan yang harus dipilihnya.

Meskipun dikenali di kalangan kawan sekolah kerana penglibatannya dalam bidang seni suara, Ruhil tidak menganggap itu satu kemegahan.

Pelajaran dianggap penting dan istilah penyanyi tidak timbul apabila berada dalam pekarangan sekolah.

Ruhil kini menuntut di tingkatan tiga Sekolah Menengah Jalan Bukit, Kajang, Selangor.

Menerusi wawancara dengannya baru-baru ini, Ruhil berkata dia harus dapat membezakan suasana dan tempat.

Begitu juga kalau berada di rumah dan mentelaah bu-

Information

Scroll to Top

Newspaper:
Berita HarianDate:
18 October 1990Reel Number:
NL17125

Share

Table of Contents

< Previous

Page 5 ▾

Next >

Halaman 5 Iklan Ruangan 1

KURSUS HAJI pada setiap hari Sabtu Jam 7.30 malam di Golden Landmark Hotel y Conference Room Tingkat 7

Halaman 5 Iklan Ruangan 2

j^^^ IBanan 150 ;>* Bulanan \$55 Bulanan: \$45 xli
Julanan: \$85 B^a^j^g|^^^ Bulanan: \$30 xIB Bulanan:

View Full Table of Contents

ku pelajaran, beliau mengetepikan soal menyanyi.

“Kini saya tidak dapat menentukan sama ada akan terus menyanyi atau meninggalkan bangku sekolah. Pilihan

saya dewasa ini ialah 50-50.

“Saya mahu pelajaran dan juga menyanyi. Keduanya ada potensi yang baik. Bagaimanapun, di satu peringkat nanti — saya sendiri tidak tahu bila — saya akan menentukan pilihan yang tepat, iaitu menyanyi atau meneruskan pelajaran saya hingga ke peringkat yang lebih tinggi,” katanya lagi.

Menurut Ruhil lagi, sekiranya salah satu kecundang, beliau tidak ada pilihan lain melainkan memilih bidang yang berjaya.

“Sejauh ini tahap pelajaran saya memuaskan. Guru dan ibu bapa puas dengan kemajuan saya. Begitu juga dengan bidang nyanyian. Saya percaya telah dapat menunjukkan kemampuan saya sejauh ini,” katanya.

“Di Malaysia sekarang, ada beberapa orang penyanyi yang juga berjaya dalam bidang akademi. Jadi, untuk memperkatakan soal pelajaran dan menyanyi bukanlah perkara biasa sekarang,” jelasnya.

“Pucuk pangkalnya ialah bagaimana kita dapat mengimbangi kedua-dua bidang agar sama-sama berjaya,” Ruhil menutup temubual itu.





PELAJARAN ATAU BERNYANYI: Ruhil tidak dapat menentukan haluan masa depannya.

Related Articles



Yasmin jadi guru utk isi cuti panjang

Berita Harian 22 April 1984

Yasmin jadi guru utk isi cuti panjang
APABILA seseorang peminat lagu b...

Salamah dedah rahsia di sebalik kejayaan

Berita Harian 22 August 1982

Salamah dedah rahsia di sebalik kejayaan
Wawancara denean 'Pelajar Ter...

Pilih aliran: Hak dan hakikat

Berita Harian 20 October 1985

Pilih aliran: Hak dan hakikat 50NVIN
Oleh SALIM OMAR MULAI bulan

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29